

19 SEP 1997

Ghani-Lawatan

KERAJAAN JOHOR TIDAK AKAN ANJURKAN LAWATAN KE LUAR NEGERI

JOHOR BAHRU, 19 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, kerajaan negeri sehingga akhir tahun ini tidak akan menganjurkan lawatan ke luar negeri yang bertujuan menarik pelaburan.

Beliau berkata, ini bagi mengurangkan perbelanjaan berlebihan.

"Kita sedang menyediakan belanjawan negeri. Lagipun lawatan (ke luar negeri) untuk tahun ini sudah tidak ada selepas saya mengetuai rombongan ke Jepun dan Taiwan Ogos lepas," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Abdul Ghani berkata beliau juga akan mengarahkan supaya lawatan oleh para pegawai Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Datuk Abdul Kadir Annuar ke Asia Barat bulan depan dibatalkan.

Ketika ditanya jika perlu beliau membuat lawatan susulan ke Jepun dan Taiwan dalam usaha menarik pelaburan asing, Menteri Besar berkata beliau akan merujuk perkara itu kepada kerajaan pusat untuk pertimbangan.

Menurut beliau, kerajaan negeri telah mengenal pasti kumpulan industri yang boleh membawa modal asing ke Johor dan lawatannya ke Jepun dan Taiwan dari 3 hingga 12 Ogos lepas ialah untuk mengadakan perbincangan lanjut dan mendapat jaminan kerajaan negara-negara itu.

"Kita akan teruskan bekerjasama dengan pihak-pihak berkenaan seperti Mitsubishi di Jepun untuk melabur secara langsung di Johor. Terdapat 12 industri sederhana di Jepun yang mempunyai perancangan untuk menanam modal di Johor," katanya.

Mengenai arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar semua kerajaan negeri mengurangkan program yang menjurus kepada perbelanjaan berlebihan untuk membantu kerajaan persekutuan memperkukuhkan ketahanan ekonomi negara, Abdul Ghani berkata kerajaan negeri akan mematuhi.

Kerajaan negeri sedang mengkaji semula projek pembinaan pusat pentadbiran kerajaan negeri yang baru di Sungai Johor, Kota Tinggi yang diberi nama "Johor Perdana", katanya.

Apa yang penting sekarang ialah pembinaan sebuah jambatan yang merentangi Sungai Johor bernilai RM300 juta bagi menghubungkan kawasan Johor Timur termasuk Pengerang, Desaru dan Mersing, katanya.

"Projek Johor Perdana soal kedua. Kita ingin pastikan dulu jambatan itu dapat dibina," kata Abdul Ghani. -- BERNAMA

MKO PR